

BELIA MISKIN BANDAR

KEADAAN kehidupan berbeza belia miskin bandar cukup sekadar tampung keperluan asas.

'SINDROM GAJI CUKUP-CUKUP MAKAN'

■ Majoriti golongan belia berpendapatan RM3,000 ke bawah tersepit akibat kenaikan kos hidup

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Serdang

Gaji hanya 'cukup-cukup makan' bagi menampung keperluan asas tanpa sebarang lebihan untuk simpanan, selain hutang keliling pinggang.

Itu nasib majoriti golongan belia berusia 20 hingga 40 tahun berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah yang tinggal di ibu kota.

Rumusan itu dibuat menerusi satu kajian dilakukan Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi melihat realiti serta implikasi sebenar dihadapi golongan belia miskin bandar terhadap kenaikan kos sara hidup.

Kajian itu dijalankan selama dua bulan bermula April lalu membabitkan 501 responden yang tinggal di lima perumahan awam di sekitar ibu kota.

Responden turut mengakui masalah paling ketara dihadapi mereka ialah sering lewat menjelaskan bil bulanan perkhidmatan dan utiliti iaitu 88.9 peratus, murung sebab kurang wang (72.5 peratus), belanja melebihi pendapatan (69.8 pe-



FOTO: SHAHRIL BADRI

"Situasi ekonomi mereka di tahap kritikal"

Dr Mohamad Fazli Sabri

ratus) serta tidak mampu beli insurans (66.1 peratus).

Ketua jabatan itu Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, keadaan berkenaan agak membimbangkan kerana masalah kenaikan kos sara hidup akan terus menyumbang kepada pelbagai masalah lain khususnya gejala sosial sekiranya

tiada intervensi dilakukan. Kata-nya, beliau melakukan kajian itu kerana belia miskin bandar masih dilihat golongan yang terlepas pandang walaupun mereka berisiko menerima kesan serta beban akibat kenaikan kos sara hidup ketika ini.

"Sebelum ini, kita tahu

banyak pandangan mengatakan miskin bandar adalah satu isu tetapi tidak tahu sejauh mana realiti yang berlaku.

"Berikutan itu, saya menjalankan satu kajian membabitkan 1,064 responden dan 501 daripadanya adalah belia miskin bandar dan didapati 50 peratus daripada responden belia mengakui pendapatan mereka hanya cukup untuk keperluan asas.

"Apa yang boleh dikatakan ialah situasi ekonomi

MASALAH KEWANGAN BELIA

| Masalah | % |
|--|------|
| Lewat bayar bil | 88.9 |
| Murung sebab kurang wang | 72.5 |
| Belanja lebih pendapatan | 69.8 |
| Tidak mampu beli insurans/takaful | 66.1 |
| Buat kerja lebih masa | 63.5 |
| Sakit akibat risau belanja diri/keluarga | 61.8 |
| Tidak cukup wang untuk perubatan | 61.1 |
| Tidak ada tunai untuk kecemasan | 58.1 |
| Gaduh dengan pasangan | 57.5 |
| Tidak dapat tumpu kerja | 56.6 |
| Tidak tahu wang dibelanjakan | 56.3 |
| Tidak mampu bayar ansuran | 55.7 |
| Pinjam wang-keluarga dan rakan | 55.4 |
| Hutang sebelum dapat gaji | 52.3 |
| Pinjam untuk beli barang keperluan | 48.9 |
| Pinjam wang (ceti atau ah long) | 22.3 |
| Muflis | 19.4 |

mereka di tahap kritikal dan boleh dikatakan berisiko menerima kesan kenaikan kos sara hidup," katanya kepada Harian Metro.

Selain itu, kajian turut mendapati 54.3 peratus mempunyai hutang sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi (33.3 peratus), perumahan (30.2 peratus) dan kad kredit (13.1 peratus).

Dr Mohamad Fazli berkata, walaupun usaha di-

lakukan pelbagai pihak, ia tidak memadai untuk membantu golongan itu termasuk pendekatan yang dilakukan untuk meningkatkan ilmu kewangan.

"Kaedah kreatif perlu difikirkan untuk membantu golongan ini menjana pendapatan selain meningkatkan pendidikan mereka terutama dari segi ilmu kemahiran dan keusahawanan," katanya.